

# MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI KANAN TUDM

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/886-majlis-pemakaian-pangkat-pegawai-kanan-tudm-14](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/886-majlis-pemakaian-pangkat-pegawai-kanan-tudm-14)

KUALA LUMPUR, 19 Jul 16 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Roslan bin Saad TUDM telah menyempurnakan majlis pemakaian pangkat kepada empat orang Pegawai Kanan TUDM yang diadakan di Markas Tentera Udara hari ini.

Di dalam majlis tersebut telah menyaksikan Kol Hj Saharuddin bin Mansor TUDM dan Kol Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM telah dinaikkan ke pangkat Pemangku Brig Jen TUDM mulai 15 Jul 16.

Manakala Lt Kol Muhammad Taha bin Hamdan TUDM dan juga Lt Kol Omar bin Dawawi TUDM masing-masing dinaikkan ke pangkat Pemangku Kol TUDM mulai 15 Jul 16.

Hadir sama menyaksikan majlis pemakaian pangkat ini adalah Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Sri Affendi bin Buang TUDM, Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM, Panglima Bantuan Udara, Lt Jen Dato' Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM serta Pegawai-pegawai Kanan TUDM yang lain.



